

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**RUJUKAN : 8003**

**SOALAN:**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak syarikat-syarikat atau majikan-majikan yang dikenakan tindakan atas kesalahan mengajikan pekerja tanpa permit dan apakah ada sebarang program pemutihan PATI pada masa ini bagi menyelesaikan masalah keperluan pekerja oleh majikan-majikan.

## **JAWAPAN:**

**Untuk makluman, seramai 557 orang majikan telah ditangkap pada tahun 2014 manakala bermula 1 Januari 2015 sehingga 6 Mei 2015, sejumlah 198 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan mengaji Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Sejumlah 444 orang majikan telah didakwa di Mahkamah atas kesalahan mengaji PATI pada tahun 2014 manakala bermula dari 1 Januari 2015 sehingga 2 April 2015 seramai 22 orang majikan telah dikenakan tindakan yang sama.**

**Kerajaan pernah mengadakan satu 'exercise' menyeluruh untuk mendaftarkan pekerja asing dan PATI pada bulan Julai hingga Ogos 2011 melalui Program 6P yang terdiri dari enam (6) fasa pelaksanaan iaitu Pendaftaran, Pengampunan, Pemutihan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Melalui fasa Pendaftaran, Kerajaan telah berjaya mendaftarkan seramai 1,016,908 pekerja asing dan seramai 1,303,126 PATI. Manakala, sejumlah 556,055 PATI telah melalui fasa Pemutihan yang berlangsung sehingga November 2013. Seperti sedia maklum, Program 6P telah pun tamat dan pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan Program 6P semula.**